



SIPA

Skim Insentif Pertanian Dan Agrimakanan

Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
1. Skim Insentif Pertanian dan Agrimakanan (SIPA)	2
1.1 Tujuan dan Matlamat	2
1.2 Objektif	3
1.3 Kategori SIPA	3
1.4 Syarat-Syarat Permohonan	3 - 5
1.5 Syarat-Syarat Kelayakan	5
1.6 Syarat-Syarat Lain	5 - 7
2. Insentif Keperluan Asas	8 - 9
3. Insentif Keperluan Khusus	10
3.1 Industri Tanaman	10
3.2 Industri Padi	11 - 12
4. Proses Permohonan Dan Pembayaran Insentif Keperluan Khusus (Industri Tanaman dan Padi)	13
4.1 Proses Permohonan Insentif Keperluan Khusus	12
4.2 Proses Pembayaran Insentif Keperluan Khusus	13 - 14
5. Insentif Keperluan Khusus (Industri Agrimakanan)	15
5.1 Objektif	15
5.2 Kategori Insentif	15
5.2.1 Penyewaan bangunan termasuk fasiliti-fasiliti yang terdapat di dalam Inkubator Makanan Perusahaan Kecil (IMPK)	15 - 16
5.2.2 Perkhidmatan dokongan teknikal melalui khidmat nasihat pembangunan teknikal, pensampelan dan penghantaran produk untuk analisa, latihan kursus dan bengkel serta lawatan	16 - 17
5.2.3 Syarat-syarat bagi permohonan Skim Keperluan Khusus – Industri Agrimakanan	17
5.2.4 Tatacara Proses Permohonan	17
6. Khidmat Dokongan, Kepakaran dan Teknikal	18
6.1 Syarat & Proses Permohonan	18
7. Bagi Keterangan Lanjut	19
8. Disclaimer	20

1. Skim Insentif Pertanian dan Agrimakanan (SIPA)

1.1 Tujuan dan Matlamat

Skim Insentif Pertanian dan Agrimakanan atau lebih dikenali dengan sebutan SIPA yang disalurkan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan adalah bertujuan bagi membantu dan mendokong para pengusaha/peladang memajukan dan meningkatkan lagi industri pertanian dan agrimakanan di dalam menyumbang kepada ekonomi negara.

Matlamat SIPA ini adalah dihasratkan sebagai penggerak dan penggalak kepada para pengusaha/peladang bagi mencapai dan memantapkan pengeluaran hasil pertanian dan agrimakanan yang berkualiti tinggi, berdaya saing secara berterusan serta mampu berdikari dalam jangka masa panjang.

1.2 Objektif

Di antara objektif-objektif SIPA adalah:

- Meningkatkan pengeluaran sektor pertanian melalui penawaran tapak-tapak Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) di seluruh daerah;
- Menyediakan kemudahan asas dan input pertanian bagi mendokong operasi perusahaan pengusaha/peladang untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti yang akan meningkatkan pendapatan, khususnya melalui penggunaan teknologi dan inovasi dalam sektor pertanian;
- Membantu penglibatan pengusaha/peladang untuk lebih kompetitif/berdaya saing dan berdaya tahan dalam sektor pertanian dan agrimakanan khususnya dari aspek kos permulaan perusahaan sehingga dapat mandiri dan progresif;
- Menarik pengusaha/peladang untuk menceburi bidang pertanian dan agrimakanan, dan seterusnya menjadikan industri pertanian dan agrimakanan sebagai bidang kerjaya yang menjana pendapatan khususnya golongan belia;
- Memberikan khidmat nasihat dan latihan serta menggalakkan pemindahan teknologi di dalam sektor pertanian dan agrimakanan ke arah meningkatkan produktiviti dan hasil keluaran berkualiti produk pertanian; dan
- Menggalakkan penyertaan pelaburan tempatan dan pelaburan langsung asing yang progresif di dalam sektor pertanian dan agrimakanan.

1.3 Kategori SIPA

Skim Insentif Pertanian dan Agrimakanan terbahagi kepada dua (2) kategori utama, iaitu **Insentif Keperluan Asas** dan **Insentif Keperluan Khusus** (Industri Tanaman dan Industri Agrimakanan).

1. Insentif Keperluan Asas

Kategori ini menyediakan kemudahan-kemudahan dalam bentuk tapak-tapak perusahaan yang dilengkapi dengan infrastruktur asas seperti sumber bekalan air domestik utama, sumber bekalan tenaga elektrik utama, dan jalan utama.

2. Insentif Keperluan Khusus

Kategori ini menyediakan kemudahan-kemudahan dalam bentuk bahan-bahan *input pertanian ataupun peralatan-peralatan tertentu bagi membantu meringankan sebahagian daripada perbelanjaan pengusaha-pengusaha pertanian dan agrimakanan.

Nota:

*Input pertanian ataupun peralatan-peralatan tertentu adalah tertakluk kepada ketersediaan (*availability*) mengikut jenis-jenis industri pertanian dan agrimakanan yang diusahakan dan ianya diperbantukan secara **harga subsidi.

Harga subsidi adalah mengikut harga yang telah ditetapkan iaitu lazimnya sebanyak *50% daripada harga tawaran oleh pihak pembekal input pertanian ataupun peralatan-peralatan tertentu kepada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan yang dilaksanakan secara tawaran terbuka.

***Dasar pemberian harga subsidi sebanyak 50% adalah berdasarkan kepada Rancangan Kemajuan Negara 1986-1989, Bantuan Harga Padi.

1.4 Syarat-Syarat Permohonan

1. Pemohon mestilah **berdaftar** dengan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dengan mengisikan borang Pendaftaran Pengusaha Pertanian dan Agrimakanan (Borang A) yang boleh didapati di Unit Kemajuan Pertanian di Daerah masing-masing;
2. Pemohon hendaklah **berumur 18 tahun ke atas**;
3. Syarat bagi memohon Insentif Keperluan Asas dan Insentif Keperluan Khusus adalah seperti berikut:

Bagi Keperluan Asas:

- i) **Pemohon tidak terhad kepada** rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan yang berstatus penduduk tetap.

- ii) **Pemohon hanya dibenarkan bagi yang menjalankan** projek atau perusahaan pada Tapak **Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP)**. Bagaimanapun bagi tapak-tapak selain KKP yang dimajukan dengan aktiviti pertanian oleh perseorangan atau sekumpulan pengusaha /peladang, ianya akan dipertimbangkan secara *case-by-case basis* dan tertakluk kepada sokongan pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Bagi Keperluan Khusus:

- i) **Pemohon hendaklah terdiri daripada** rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan yang berstatus penduduk tetap.
 - ii) **Pemohon hanya dibenarkan bagi yang menjalankan** projek atau perusahaan pada Tapak **Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP)**. Bagaimanapun bagi tapak-tapak selain KKP yang dimajukan dengan aktiviti pertanian oleh perseorangan atau sekumpulan pengusaha /peladang, ianya akan dipertimbangkan secara *case-by-case basis* dan tertakluk kepada sokongan pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.
4. Mempunyai Sijil Pendaftaran Perniagaan atau Sijil Perakuan Penubuhan Syarikat Persendirian atau Sijil Pendaftaran Koperasi daripada Kementerian Kewangan dan Ekonomi; Sijil Pendaftaran Persatuan (NGOs) daripada Pasukan Polis Diraja Brunei; atau Sijil Pendaftaran Majlis Perundingan Mukim (MPM) / Majlis Perundingan Kampung (MPK) daripada pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, dan di dalam aktiviti perniagaan/ perusahaan hendaklah mengandungi **kegiatan pertanian**;
 5. Mempunyai **pengetahuan asas** dalam hal ehwal pengurusan dan kewangan dalam bidang pertanian adalah diutamakan;
 6. Ladang yang diusahakan hendaklah berdaya maju khususnya dari segi pengeluaran hasil ladang, pengurusan yang baik dan teratur, dan pengeluaran yang berterusan yang mana **memenuhi ciri-ciri penilaian dan pemantauan** Jabatan Pertanian dan Agrimakanan;
 7. Pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan **berhak untuk menukar, memberhentikan atau mengugurkan skim bantuan tanpa sebarang notis pemberitahuan** jika mana-mana pengusaha/peladang didapati menyalahgunakan skim insentif yang diberikan selain daripada untuk digunakan pada ladang pengusaha/peladang itu sendiri. Jika didapati menyalahgunakan skim ini, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan berhak untuk tidak mempertimbangkan permohonan seterusnya, termasuklah boleh mengantung daripada menerima kemudahan skim bagi tempoh 1 tahun daripada tarikh surat amaran;

8. Pemohon hendaklah **terlebih dahulu memeriksa semua pembelian bahan insentif sebelum meninggalkan kaunter penyerahan/penerimaan**. Sebarang kerosakan ke atas bahan insentif hendaklah dilaporkan dengan segera kepada pihak Jabatan. Laporan kerosakan ke atas bahan insentif selepas meninggalkan kaunter penyerahan/penerimaan tidak akan dilayan.

1.5 Syarat-Syarat Kelayakan

1. Pemohon yang **berdaftar** dengan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan hendaklah mengisikan borang Pendaftaran dan Permohonan Mendapatkan Bantuan Skim Insentif Pertanian dan Agrimakanan, SIPA (Borang B) yang boleh didapati di Unit Kemajuan Pertanian di Daerah masing-masing.
2. Bagi permohonan untuk Insentif Keperluan Asas, tidak ada syarat-syarat kelayakan diperuntukkan.
3. Bagi permohonan untuk Insentif Keperluan Khusus, syarat-syarat kelayakan adalah seperti berikut:
 - i. Komoditi sayur-sayuran, pelbagai tanaman dan florikultur, dan komoditi padi hendaklah **tidak melebihi 5 hektar ($\leq 5ha$)**; dan
 - ii. Komoditi Buah-Buahan hendaklah **tidak melebihi 7 hektar ($\leq 7Ha$)**.
4. Bagi permohonan untuk insentif keperluan khusus yang melebihi daripada keluasan syarat kelayakan seperti di para 1.5 (3) (i dan ii), maka pemohon adalah tidak berhak untuk mendapatkan bantuan SIPA.

1.6 Syarat-Syarat Lain

1. Pemohon yang berkelayakan untuk mendapatkan Insentif Keperluan Khusus adalah diberikan tempoh selama 5 tahun bermula daripada tarikh permohonan. Selepas tempoh 5 tahun tersebut, pemohon tidak akan lagi berhak untuk mendapatkan bantuan SIPA kecuali atas sokongan dan pertimbangan tertentu mengikut penilaian pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.
2. Bagi syarikat yang menjalankan kegiatan pertanian yang berdaftar di bawah KKP yang memohon dan mempunyai beberapa tapak dilokasi yang berlainan (*multiple locations*), jumlah tapak akan dikira secara akumulatif (*accumulated*) mengikut syarat komoditi yang dibenarkan.

3. Bagi pengusaha/peladang yang mempunyai sewa tapak yang tertunggak adalah tidak akan dipertimbangkan untuk menerima SIPA selagi bayaran sewa belum dijelaskan.
4. Bagi pengusaha/peladang yang belum menandatangani kontrak/penyambungan kontrak adalah tidak akan dipertimbangkan untuk menerima SIPA selagi kontrak belum ditandatangani.
5. Bagi pengusaha/peladang yang telah ditawarkan penambahan kawasan dan menjadikan keseluruhan kawasan melebihi perkiraan syarat kelayakan menerima SIPA seperti di para 1.5 (3) (i dan ii), adalah dibenarkan menerima bantuan SIPA pada harga subsidi bagi **kawasan asal** (tidak termasuk kawasan tambahan) bagi tempoh **dua (2) tahun** bermula daripada tarikh surat tawaran (*Awarded Letter*) penerimaan tambahan kawasan yang diterima, bergantung kepada ketersediaan (availability) bahan bantuan yang dipohonkan. Permohonan bantuan SIPA tidak akan dipertimbangkan bagi pemohon yang menerima tawaran tambahan kawasan melebihi tempoh dua (2) tahun.

Nota:

Bagi bahan insentif yang dikategorikan sebagai **slow-moving*, ianya akan ditawarkan kepada orang ramai pada ****kadar harga yang bersesuaian yang akan ditetapkan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dengan nasihat daripada agensi-agensi berkenaan.**

**Slow-moving* bermaksud kadar/kekerapan pembelian yang perlahan melimpasi satu tempoh masa, tertakluk kepada jenis barangan, dengan mengambil kira tarikh pembelian, tarikh luput dan susut nilai barangan.

****Kadar harga yang bersesuaian adalah mengikut penilaian susut nilai bagi jentera/mesin / peralatan ladang yang bersesuaian tertakluk kepada tafsiran dan nasihat serta kebenaran daripada agensi-agensi yang berkaitan.**

2. Insentif Keperluan Asas

Di bawah program KKP, tapak-tapak perusahaan akan dilengkapi dengan infrastruktur asas seperti sumber bekalan air domestik utama, sumber bekalan tenaga elektrik utama dan jalan utama pada tapak perusahaan (seperti di **Jadual 2**). Pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan akan menawarkan kepada pengusaha-pengusaha untuk mengusahakan tapak-tapak KKP secara sewa, dengan kadar sewa dan tempoh penyewaan yang ditetapkan (seperti di **Jadual 3**). Tertakluk kepada prestasi dan perkembangan perusahaan yang dijalankan, pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan akan mempertimbangkan sebarang permohonan bagi penyambungan tempoh penyewaan.

Prosedur bagi permohonan tapak-tapak Kawasan Kemajuan Pertanian boleh didapati di laman sesawang Jabatan Pertanian dan Agrimakanan di www.agriculture.gov.bn.

Jadual 2: Infrastruktur asas yang dibangunkan di bawah program Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP).

Jalan Masuk Utama	<ul style="list-style-type: none">– Pihak Jabatan hanya menyediakan dan memelihara (jika diperlukan) bagi jalan masuk utama menuju ke tapak perusahaan. Bagi jalan-jalan di dalam ladang, termasuk pemeliharaan adalah atas perbelanjaan pengusaha sendiri.
Sistem Saliran	<ul style="list-style-type: none">– Pihak Jabatan menyediakan saliran utama (longkang/parit) mengikut jalan masuk utama. Bagi saluran-saliran di dalam ladang, termasuk pemeliharaan adalah atas perbelanjaan pengusaha sendiri.
Bekalan Air Domestik	<ul style="list-style-type: none">– Pihak Jabatan menyediakan paip utama (<i>main pipe</i>) untuk bekalan air domestik di sepanjang jalan masuk. Bagi penyambungan meter dan paip-paip yang lainnya menuju ke ladang serta bayaran bil-bil air dari masa ke semasa, adalah atas perbelanjaan dan tanggungjawab pengusaha sendiri, bermula dari tarikh kontrak perjanjian.
Bekalan Tenaga Elektrik	<ul style="list-style-type: none">– Pihak Jabatan menyediakan kabel utama untuk bekalan elektrik di sepanjang jalan masuk utama. Bagi kerja-kerja penyambungan kabel bagi keperluan perusahaan serta bayaran bil-bil elektrik dari masa ke semasa, adalah atas perbelanjaan dan tanggungjawab pengusaha sendiri, bermula dari tarikh kontrak perjanjian.

Jadual 3: Kadar Sewa Bagi Kegiatan Pertanian

Jenis Kegiatan	Kadar sewa sehektar setahun
Ternakan Kambing	\$5.00
Ternakan Rusa	\$5.00
Ternakan Lembu / Kerbau	\$5.00
Padi	\$12.50
Sayur-Sayuran / Pelbagai Tanaman	\$25.00
Pelbagai Tanaman	\$25.00
Buah-Buahan	\$25.00
Tisu Didik	\$50.00
Semaian (Bunga, Rumput Dan Lain-Lain)	\$50.00
Ternakan Ayam	\$100.00
Ternakan Itik	\$100.00
Penetasan (Hatchery)	\$100.00
Rumah Penyembelihan (Abattoir) / Fidlot	\$125.00
Agri Mart	\$500.00

Jadual 4: Kadar Sewa Bagi Pusat Pasaran, Pusat Perniagaan Hortikultur Rimba

Jenis Kegiatan	Tempoh sewa (tahun)	Kadar sewa sehektar sebulan
Petak	3	\$15.00
Pondok	3	\$60.00

3. Insentif Keperluan Khusus

3.1 Industri Tanaman

Bagi industri tanaman, fokus diberikan kepada pengeluaran padi, buah-buahan dan sayur-sayuran. Usaha-usaha untuk meningkatkan pengeluaran komoditi-komoditi tanaman yang lain seperti pelbagai tanaman, bunga-bunga dan tanaman hiasan juga diberikan penekanan.

Antara kemudahan yang diperuntukkan di dalam SIPA bagi Industri Tanaman adalah seperti berikut:

1. Input Baja;
2. Bahan Perlindungan Tanaman; dan
3. Perkakas/Peralatan.

Nota:

Kemudahan di atas adalah tertakluk kepada ketersediaan (availability) bahan-bahan berkenaan.

1. Input Baja

Bentuk insentif adalah pembekalan beberapa jenis baja inorganik asas pada harga 50% daripada harga tawaran.

2. Bahan Perlindungan Tanaman

Bentuk insentif adalah pembekalan beberapa jenis racun rumpai yang disyorkan pada harga 50% daripada harga tawaran.

3. Perkakas/Peralatan

Bentuk insentif adalah pembekalan perkakas / peralatan yang diperlukan terutamanya pada peringkat kerja-kerja penyediaan ladang, pengawalan musuh atau penyakit tanaman pada harga 50% daripada harga tawaran.

3.2 Industri Padi

Objektif:

- Mempercepatkan proses pemindahan teknologi pengeluaran ke arah meningkatkan produktiviti dan hasil keluaran padi;
- Menyalurkan input dan kemudahan asas ke arah mendokong penghasilan padi yang kompetitif;
- Menyalurkan informasi berhubung dengan jenis, kuantiti dan kombinasi input yang bersesuaian di dalam system perladangan;
- Menggalakkan pengusaha tempatan dan pelaburan asing bergiat aktif di dalam industri padi;
- Sebagai bantuan ke arah mengurangkan kos pengeluaran; dan
- Membantu menstabilkan harga komoditi padi.

Antara kemudahan yang diperuntukkan di dalam SIPA bagi Industri Padi adalah seperti berikut:

1. Input Baja;
2. Bahan Perlindungan Tanaman;
3. Perkakas/Peralatan; dan
4. Skim Bantuan Harga Padi.

Nota:

Kemudahan di atas adalah tertakluk kepada ketersediaan (availability) bahan-bahan berkenaan.

1. Input Baja

Bentuk insentif adalah pembekalan beberapa jenis baja inorganik asas pada harga 50% daripada harga tawaran.

2. Bahan Perlindungan Tanaman

Bentuk insentif adalah pembekalan beberapa jenis racun rumpai yang disyorkan pada harga insentif pada harga 50% daripada harga tawaran.

3. Perkakas/Peralatan

Bentuk insentif adalah pembekalan perkakas, peralatan yang diperlukan terutamanya pada peringkat kerja-kerja penyediaan ladang, penanaman dan penuaian tanaman pada harga 50% daripada harga tawaran.

4. Skim Bantuan Harga Padi

Skim ini bertujuan sebagai galakan kepada orang ramai terutama sekali warganegara serta penduduk tetap Negara Brunei Darussalam untuk menceburi perusahaan penanaman padi. Melalui skim ini, pemohon yang memenuhi kelayakan boleh menjual padi yang dihasilkan kepada Kerajaan pada kadar yang tertentu dengan syarat, padi yang dihasilkan adalah terdiri daripada jenis padi yang dibenarkan dan memenuhi kriteria kualiti padi yang telah ditetapkan. Jenis padi yang dibenarkan untuk diterima di bawah Skim Bantuan Harga Padi adalah Padi Pusu, Padi Bario, Padi Adan, Padi BDR5, Padi MRQ76, Padi Sembada188, Padi Titih dan varieti padi lain yang disyorkan oleh Jabatan dari masa ke semasa. Kadar harga pembelian padi di bawah Skim ini adalah sebanyak \$1.60/kg, tertakluk kepada sebarang perubahan dari masa ke semasa.

4. Proses Permohonan Dan Pembayaran Insentif Keperluan Khusus (Industri Tanaman dan Padi)

4.1 Proses Permohonan Insentif Keperluan Khusus

1. Pengusaha dan peladang dikehendaki membuat permohonan untuk mendapatkan bahan-bahan insentif dengan mengisi Borang B di dalam sistem Online Common Billing System (OCBS).
2. Jenis dan kuantiti bahan-bahan insentif yang dipohonkan akan dibuat penilaian oleh Unit Kemajuan Pertanian Daerah dan Industri-industri berkenaan mengikut perkembangan perusahaan dan saiz ladang.
3. Bagi permohonan yang sudah menerima bantuan peralatan ladang hanya akan dibenarkan untuk memohon selepas tempoh satu tahun.
4. Bagi permohonan yang sudah menerima bantuan baja inorganik dan racun rumpai adalah seperti berikut :

Bil	Komoditi	Tempoh pembelian/permohonan
1	Padi	*Sekali dalam satu musim
2	Sayur	*Dua (2) kali dalam setahun
3	Buah	
4	Tanaman Hiasan	

*Tertakluk kepada ketersediaan bekalan

4.2 Proses Pembayaran Insentif Keperluan Khusus

1. Pemohon mestilah membuat pembayaran ke atas pembelian bahan insentif terlebih dahulu sebelum barangan dikeluarkan daripada Pusat Bekalan Insentif.
2. Peladang hendaklah membuat pembayaran di kaunter pembayaran yang terletak di Unit Kemajuan Pertanian di daerah masing-masing.
3. Pegawai bertugas akan mengeluarkan resit kewangan sebagai pengesahan urusan pembayaran.
4. Borang B hendaklah lengkap di isi dan resit pembayaran kewangan disertakan dan hendaklah ditunjukkan kepada Pegawai yang bertugas untuk proses pembekalan.
5. Bahan insentif hanya akan dikeluarkan setelah resit pembelian dikeluarkan atau ditunjukkan kepada Pegawai bertugas di Pusat Bekalan Insentif daerah masing-masing.

6. Urusan pengangkutan adalah tanggungjawab pemohon. Kakitangan stor yang bertugas hanya akan melakukan pemungahan daripada tempat penyimpanan bahan insentif di Pusat Bekalan Insentif Pertanian.
7. Jumlah bahan yang dipohonkan adalah tertakluk kepada stok dan jenis yang ada.
8. Pembayaran adalah dikehendaki untuk dijelaskan oleh pengurus/pemilik ladang itu sendiri, walaubagaimana pun sekiranya ia berwakilkan, surat wakil hendaklah disertakan semasa pembayaran.

5. Insentif Keperluan Khusus (Industri Agrimakanan)

Bagi Industri agrimakanan, kemudahan yang diperuntukkan di dalam SIPA adalah penyewaan bangunan termasuk fasiliti-fasiliti yang terdapat di dalam Inkubator Makanan Perusahaan Kecil (IMPK). Tujuan skim ini adalah untuk membantu para pengusaha makanan mikro dan kecil bagi meningkatkan pengeluaran hasil produk agrimakanan yang berkualiti untuk pasaran.

5.1 Objektif

Mempercepatkan proses pemindahan teknologi pengeluaran produk agrimakanan dan mengurangkan kos pengeluaran bagi menghasilkan produk yang berkualiti, selamat dan terjamin halal serta kompetitif bagi pasaran tempatan dan eksport.

5.2 Kategori Insentif

Kategori insentif yang terdapat dalam Skim Keperluan Khusus - Industri Agrimakanan ialah seperti berikut:

1. Penyewaan bangunan termasuk fasiliti-fasiliti yang terdapat di dalam Inkubator Makanan Perusahaan Kecil (IMPK)
2. Perkhidmatan dokongan teknikal melalui khidmat nasihat pembangunan produk, pemindahan teknologi, membangunkan label produk, panel nutrien dan penentuan tempoh simpan melalui pensampelan dan penghantaran produk untuk analisa; menjalankan lawatan serta memberikan latihan, kursus dan bengkel.

5.2.1 Penyewaan bangunan termasuk fasiliti-fasiliti yang terdapat di dalam Inkubator Makanan Perusahaan Kecil (IMPK)

Bangunan IMPK terletak di Pusat Penyelidikan Pertanian Brunei, Kilanas merupakan sebuah inkubator berskala kecil (dapur) yang mempunyai fasiliti pemprosesan yang moden dengan menawarkan kadar sewa yang berpatutan, latihan bagi menghasilkan produk agrimakanan dan tempat menjalankan analisa fizikal bagi mengawal kualiti produk.

Garis panduan penyewaan dan kadar sewa IMPK secara insentif adalah seperti berikut:

1. Bayaran Pendaftaran (sekali sahaja) sebanyak B\$50.00.
2. Penyewaan bangunan dan penggunaan fasiliti IMPK dibenarkan beroperasi dari jam 7.45 pagi hingga 4.30 petang dalam jangka masa 8 jam 45 minit pada waktu hari bekerja dengan kadar sewa B\$70.00 sehari. Bayaran sewa hendaklah dijelaskan sebelum menggunakan fasiliti pada hari penyewaan.
3. Tempoh penyewaan ialah minima 1 hari bagi setiap pengusaha.
4. Tempahan penyewaan hendaklah dipohonkan kepada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dalam masa tujuh (7) hari sebelum tarikh penyewaan.
5. Pembatalan penyewaan hendaklah dimaklumkan kepada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan tiga (3) hari sebelum tarikh penyewaan.
6. Bayaran bagi ganti rugi akan dikenakan jika berlaku kerosakan mesin-mesin dan peralatan atas kecuaiannya penyewa, berdasarkan kos baik pulih mesin/peralatan berkenaan termasuk bahagian peralatan mesin yang dicuci bersih oleh penyewa, kecuali mesin dan peralatan yang dikendalikan oleh pengendali.
7. Denda akan dikenakan jika didapati tidak mematuhi syarat kebersihan sebanyak B\$50.00.

Syarat – syarat kelayakan bagi memohon menggunakan IMPK adalah seperti dalam keterangan Bab 4 (syarat-syarat mendapatkan Skim Keperluan khusus – Industri Agrimakanan).

5.2.2 Perkhidmatan dokongan teknikal melalui khidmat nasihat pembangunan teknikal, pensampelan dan penghantaran produk untuk analisa, latihan kursus dan bengkel serta lawatan.

Unit di bawah Seksyen Kemajuan Industri Agrimakanan dan Pasaran, Bahagian Industri Agrimakanan dan Pengurusan Akses Pasaran sedang giat melaksanakan program peningkatan kapasiti dan teknologi pengeluaran produk tambah nilai (*value-added*) dan proses lanjut (*further process*) melalui perkhidmatan:

1. Khidmat nasihat.
2. Menjalankan lawatan ke premis pengeluaran produk.
3. Pemindahan teknologi pemprosesan dan pembungkusan.
4. Menjalankan analisa fizikal dan interpretasi keputusan analisa.

5. Membangunkan label produk, panel nutrien dan penentuan jangka tempoh simpan melalui pensampelan, penghantaran produk untuk dianalisa dan menjalankan interpretasi keputusan analisa.
6. Memberikan latihan, kursus dan bengkel serta nasihat dan konsultasi mengenai pelan perniagaan dan pemasaran, teknologi pemprosesan dan pembungkusan, jangka tempoh simpan dan amalan perkilangan yang baik (*Good Manufacturing Practices*).

5.2.3 Syarat-syarat bagi permohonan Skim Keperluan Khusus - Industri Agrimakanan

1. Pemohon mestilah berdaftar dengan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan melalui Unit Pengembangan Industri Agrimakanan dengan mengisikan borang pendaftaran pengusaha Pertanian dan Agrimakanan (Borang A) dengan lengkap.
2. Mempunyai Sijil Pendaftaran Perniagaan atau Sijil Perakuan Penubuhan Syarikat Persendirian atau Sijil Pendaftaran Koperasi daripada Kementerian Kewangan dan Ekonomi; Sijil Pendaftaran Persatuan (NGOs) daripada Pasukan Polis Diraja Brunei; atau Sijil Pendaftaran Majlis Perundingan Mukim (MPM) / Majlis Perundingan Kampung (MPK) daripada pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, dan di dalam aktiviti perniagaan/ perusahaan hendaklah mengandungi kegiatan agrimakanan.
3. Pengusaha yang memohon hendaklah menghantar Borang Data Penghasilan Produk Tambah Nilai setiap bulan kepada Unit Pengembangan Industri Agrimakanan, Bahagian Industri Agrimakanan dan Pengurusan Akses Pasaran.

5.2.4 Tatacara Proses Permohonan

Bagi maklumat lanjut tentang tatacara permohonan Insentif Keperluan Khusus (Industri Agrimakanan), pemohon boleh menghubungi Unit Pengurusan Maklumat dan SIPA melalui emel sipa@agriculture.gov.bn

6. Khidmat Dokongan, Kepakaran dan Teknikal

Sebagai agensi Kerajaan yang berperanan dalam membangunkan dan memajukan industri pertanian dan agrimakanan di negara ini, salah satu tanggungjawab Jabatan Pertanian dan Agrimakanan ialah memberikan perkhidmatan dokongan, khidmat nasihat kepakaran dan teknikal kepada pengusaha-pengusaha pertanian dan peladang-peladang.

Perkhidmatan dokongan, khidmat nasihat kepakaran dan teknikal yang diberikan adalah bertujuan antara lain untuk:

- Membantu pengusaha dan peladang dalam penyediaan perancangan perusahaan;
- Membantu pengusaha dan peladang menangani masalah-masalah tanaman dan ternakan yang terdapat pada ladang-ladang mereka yang boleh menjejaskan penghasilan dan produktiviti pengeluaran; dan
- Menyerapkan teknologi-teknologi terbaru dalam pengeluaran tanaman dan pemeliharaan ternakan seperti teknik pengawalan perosak tanaman, pengawalan kimia tanaman dan perubatan veterinar secara teratur, selamat dan mesra alam, sistem perlindungan tanaman bersepadu dan lain-lain.

Perkhidmatan dokongan, khidmat nasihat kepakaran dan teknikal yang diberikan adalah dalam bentuk:

- Bimbingan, tunjuk ajar ataupun nasihat kepakaran mengikut sektor industri pertanian dan agrimakanan yang diusahakan;
- Pemindahan teknologi terkini serta amalan terbaik yang bersesuaian untuk diserapkan dan diterima pakai oleh pengusaha dan peladang mengikut sektor industri pertanian dan agrimakanan yang diusahakan;
- Pemantauan terhadap perkembangan perusahaan oleh Unit Kemajuan Pertanian Daerah bagi mengetahui situasi dan perkembangan perusahaan-perusahaan yang dijalankan oleh pengusaha dan peladang.
- Perkhidmatan konsultasi dalam penyediaan kertas kerja dan aliran tunai kewangan (cash flow)

6.1 Syarat & Proses Permohonan

Tidak ada syarat-syarat khusus yang diperlukan daripada pengusaha dan peladang yang ingin mendapatkan perkhidmatan dokongan, khidmat nasihat kepakaran dan teknikal daripada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan berhubung perusahaan-perusahaan yang dijalankan.

7. Bagi Keterangan Lanjut

Bagi mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut, pengusaha dan peladang boleh menghubungi:

<p>Unit Kemajuan Pertanian Daerah Brunei Muara Blok B2, Spg 362, Kg Limpaki Jalan Mulaut Masin Daerah Brunei Muara Tel No: 824 9889 (telefon sahaja) 812 5175 (Whatsapp sahaja)</p>	<p>Unit Kemajuan Pertanian Daerah Tutong Stesen Kemajuan Pertanian Birau Kg Birau, Jln Kuala Abang, DaerahTutong Tel No: 7391716</p>
<p>Unit Kemajuan Pertanian Daerah Belait Projek Kemajuan Pertanian Sg Liang Spg 907, Seria Lumut Bypass Daerah Belait Tel No: 3230338</p>	<p>Unit Kemajuan Pertanian Daerah Temburong Kg Puni, Jalan Ujung Jalan, DaerahTemburong Tel No: 8179456</p>
<p>Unit Pengurusan IMPK dan Teknologi Pemprosesan Industri Agrimakanan Pusat Penyelidikan Pertanian Brunei, Kilanas Tel No: 2671985</p>	<p>Unit Pengurusan Tapak Pertanian Ibu Pejabat Pertanian dan Agrimakanan Lapangan Terbang Lama Berakas Bandar Seri Begawan</p>
<p>Unit Pengurusan Maklumat dan SIPA Ibu Pejabat Pertanian dan Agrimakanan Lapangan Terbang Lama berakas Bandar Seri Begawan Tel No: 2388054</p> <p>Email: sipa@agriculture.gov.bn Website: http://www.agriculture.gov.bn</p>	

8. Disclaimer

Garis panduan ini akan direviu dari masa ke semasa bila diperlukan.